

# Kikiskan sentimen sempit — Mahathir

Oleh  
MOHD. NOR ABD. SAMAD

KOTA KINABALU 19 Mac — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak mahu sebarang bentuk sentimen sempit dan perasaan negatif terhadap kaum lain, dijadikan amalan pemimpin dan rakyat.

Sebaliknya, beliau mahu kedua-dua sifat ini dikikis daripada sanubari mereka.

Menurut Perdana Menteri, hanya dengan mengamalkan sikap ikhlas dan jujur dalam sebarang tindakan, barulah matlamat perpaduan rakyat boleh dicapai.

"Kita harus kikis sebarang bentuk sentimen sempit dan perasaan negatif yang ada dalam diri kita terhadap kaum lain. Hanya dengan keikhlasan dan kejujuran dalam sebarang tindakan kita, barulah perpaduan rakyat boleh dicapai," katanya.

Beliau mengingatkan demikian dalam ucapan alu-aluannya dalam buku cenderamata sempena Kongres Pertama, Parti Demokratik Sabah (PDS), di sini hari ini.

Dr. Mahathir dijadual merasmikan kongres PDS itu, di Dewan Tun Fuad Stephens, dekat Penampang, pagi esok. Hari ini, berlangsung Kongres Pergerakan Pemuda dan Wanita PDS pertama yang

dirasmikan oleh Timbalan Presiden PDS, Datuk Wilfred Bumburing.

PDS telah dilancarkan penubuhannya secara rasmi di dewan Hongkod Koisaa di sini pada 27 Mac tahun lalu dengan penyertaan 18 bekas wakil rakyat Parti Bersatu Sabah (PBS).

Parti itu diterima sebagai salah satu daripada komponen BN pada 14 Jun tahun lalu.

Dalam kata-kata aluannya juga, Perdana Menteri berkata, penyertaan PDS ke dalam Barisan Nasional (BN) telah mengukuhkan lagi perikatan rakyat daripada pelbagai kaum di negara ini.

## Falsafah

Ia juga, katanya, telah membuktikan kejayaan konsep dan falsafah BN selama ini.

Menurut Dr. Mahathir, PDS yang mewakili masyarakat Sabah daripada kalangan Kadazan, Dusun dan Murut menyertai BN kerana ingin bersama-sama dengan komponen-komponen parti lain dalam BN untuk membawa rakyat dan negara ke arah kejayaan.

Beliau berkata, penyertaan PDS ini melengkapkan lagi perwakilan dari semua suku kaum di negeri ini.

"Ini adalah sejajar dengan hasrat penubuhan BN sejak dari mula-mula lagi

iaitu agar setiap golongan masyarakat di negara ini bersama-sama terlibat dan menyertai proses pembangunan ke arah menjadikan bangsa Malaysia lebih progresif, dinamik dan disegani dunia," katanya.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Mohd. Salleh Tun Said pula berkata, kekuatan BN Sabah hanya dapat dimantapkan dengan kekuatan parti-parti komponen BN.

Dalam konteks ini, katanya, PDS mempunyai peranan tertentu khususnya untuk memantapkan lagi sokongan masyarakat bumiputera bukan Islam terhadap niat, hasrat, cita-cita, konsep dan falsafah BN.

Beliau berkata, usaha kerajaan sekarang ialah untuk memastikan kestabilan dan keharmonian politik khususnya di negeri ini dapat dipertahankan.

Katanya, tanpa kestabilan dan keharmonian politik, pembangunan, kestabilan dan kemakmuran ekonomi tidak dapat dicapai.

Beliau menambah, barisan pemimpin Sabah mempunyai peranan yang penting untuk memastikan kesinambungan penyertaan rakyat ke arah pembentukan satu bangsa Malaysia sebagaimana yang dicita-citakan.